

22 JUN 2001

Mahathir-Amaran

MAHATHIR YAKIN MELAYU AKAN PATUHI "AMARANNYA"

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan bahawa ada sebilangan orang Melayu yang tidak sukakan ucapannya semalam yang mengkritik sikap mereka yang menyebabkan mereka ketinggalan dalam banyak bidang termasuk pendidikan dan ekonomi.

Bagaimanapun Perdana Menteri yakin bahawa ramai orang akan prihatin "amarannya" supaya mereka mesti melakukan perkara yang sewajarnya untuk berjaya.

"Ada orang tidak suka jika diberitahu perkara yang sebenar. Mereka akan gusar. Mereka ini perlu diberitahu yang mereka tidak melakukan perkara yang betul, bahawa mereka patut membetulkan keadaan," katanya kepada pemberita pada akhir hari kedua Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini.

Presiden Umno itu menjawab soalan sama ada ucapan dasarnya semalam, pada perhimpunan agung parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra, memberi kesan sebaliknya dan menyebabkan parti hilang sokongan.

Katanya: "Sebagai seorang pemimpin, jika saya ikut mereka, maka saya akan menjadi pengikut. Saya sepatutnya memimpin. Saya perlu memberitahu mereka inilah jalan yang patut dituju."

Dr Mahathir berkata beliau tidak kisah jika ramai yang tidak menyukainya dan beliau tidak boleh berbuat apa-apa jika mereka tidak mengundinya.

Dr Mahathir juga berkata tidak ada anggota Umno yang memegang banyak jawatan dalam badan-badan besar milik kerajaan berbanding di sektor swasta.

Katanya bekas menteri kewangan Tun Daim Zainuddin, malahan, telah mengambil tindakan untuk mengehadkan jawatan pengarah yang boleh dipegang oleh seseorang itu.

"Jadi, ramai yang letak jawatan, antaranya, Mirzan (anak Dr Mahathir) yang kononnya menjadi direktor lebih 90 syarikat dan dapat RM900,000 elaun sebulan," katanya.

Ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden Umno hari ini, wakil Umno negeri Kelantan Datuk Ibrahim Ali berkata bilangan jawatan di luar parti yang dipegang oleh seseorang anggota Umno, harus dihadkan supaya dia dapat menjalankan kerja-kerja parti di peringkat akar umbi.

Menjawab satu pertanyaan, Dr Mahathir berkata semua pihak dalam Umno termasuk yang memegang jawatan menteri turun padang untuk mendekati rakyat tetapi berbanding program lawatan beliau sendiri, lawatan mereka ini tidak mendapat liputan meluas oleh media.

Beliau meminta media membuat liputan sewajarnya apabila menteri-menteri pergi berjumpa rakyat.

Mengenai cadangan supaya pemilihan peringkat Majlis Tertinggi (MT) parti yang sepatutnya berlangsung pada 2003 ditunda sehingga selepas pilihan raya akan datang, Dr Mahathir berkata masih terlalu awal bagi parti untuk membuat keputusan.

"Ini satu yang kita akan timbangkan," katanya.

Beliau juga menolak cadangan bahawa Pergerakan Pemuda Umno kini lemah.

Mengenai Wawasan 2020, beliau berkata rancangan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju akan diteruskan walaupun beliau tidak lagi memimpin negara.

"Wawasan 2020 bukan untuk saya. Malahan pada 2020, saya sedang memerhatikan dari jauh sama ada ia sedang dilaksanakan atau tidak.

"Jika saya sudah tiada, (Timbalan Perdana Menteri) Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengambilalih dan beliau sudah biasa dengan Wawasan

2020," katanya.
-- BERNAMA
MAM ZS LAT